

1103/2  
Bahasa  
Malaysia  
Kertas 2  
Ogos  
2007  
2 ½ jam



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007**

---

---

**BAHASA MALAYSIA**

**KERTAS 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), dan Soalan 2 (d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah menyertai kegiatan kokurikulum dan cara-cara menggalakkan pelajar menyertainya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Bidang kurikulum dan kokurikulum saling berkait rapat sekali gus menjadi teras bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan pelajar mencapai kecemerlangan. Bidang kokurikulum kini menjadi pelengkap kepada proses pembelajaran di sekolah. Kokurikulum boleh ditakrifkan sebagai satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang.

Terdapat tiga komponen utama aktiviti kokurikulum di sekolah, iaitu badan beruniform, persatuan atau kelab, dan sukan serta permainan. Aktiviti badan beruniform menekankan aspek pembentukan disiplin diri pelajar. Pelajar dilatih dengan soal ketepatan masa, mematuhi pemimpin, sentiasa bersedia dan cergas, serta sentiasa bersemangat juang yang tinggi. Selain itu, pelajar juga diuji dengan daya ketahanan fizikal dan mental melalui aktiviti seperti berkawad dan merentas halangan. Semangat bekerjasama dan berdikari turut disemai dalam aktiviti badan beruniform. Latihan-latihan ini akan menguatkan lagi daya ketahanan mental pelajar walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Penglibatan dalam persatuan atau kelab pula membawa penekanan implikasi yang berlainan. Dalam aktiviti berpersatuan, pelajar akan mendapat pelbagai pengetahuan, khususnya dalam hal-hal pengurusan dan pentadbiran. Sebagai contoh, pelajar diasuh dengan kemahiran pengurusan mesyuarat, membuat surat rasmi, kertas kerja dan laporan, mencatat minit, berkomunikasi dengan baik, memberikan *idea yang bernas* dan latihan berhujah. Apabila berpersatuan, pelbagai pandangan dan idea boleh dikongsi antara sesama ahli. Pengalaman dalam menguruskan mesyuarat juga merupakan satu proses kematangan diri. Latihan-latihan ini dapat memberikan satu pengalaman baharu yang berbeza daripada bidang akademik.

Aktiviti sukan dan permainan sudah pasti memberikan penekanan kepada implikasi, pemikiran strategik dan kekuatan fizikal. Selain memperoleh badan yang cergas, minda juga turut menjadi cergas. Sukan bukan sahaja berkait tentang persoalan siapa yang menang atau siapa yang kalah, sebaliknya sukan memupuk keyakinan diri, menghormati peraturan dan semangat juang yang tinggi. Pelajar juga dididik dengan semangat kerjasama dan toleransi sesama ahli pasukan. Maka tidak hairanlah apabila sukan boleh merentasi sempadan bangsa, politik dan benua. Apabila menyertai ketiga-tiga komponen utama kokurikulum yang dinyatakan sebelum ini sebenarnya pelajar telah menambah nilai terhadap diri sendiri. Mungkin dalam kalangan pelajar ada yang tidak menyedari bahawa nilai tambah ini merupakan sesuatu yang sangat bernilai. Malah, akhir-akhir ini kokurikulum menjadi satu nilai tambahan dalam proses pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Dengan kata lain, kita akan dapat menghasilkan generasi berilmu yang mempunyai kebolehan dan kesungguhan yang menyeluruh.

Aktiviti kokurikulum juga mampu membentuk modal insan yang berkualiti pada masa hadapan. Sejarah telah membuktikan pemimpin tersohor negara lahir daripada kalangan mereka yang aktif yang berpersatuan semasa zaman remajanya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Pembentukan Sahsiah Diri Melalui Aktiviti Kokurikulum* oleh Abd Ghani bin Abu,  
Dewan Siswa, Julai 2007)

Jawab **semua** soalan

**Soalan 2(a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *idea yang bernas*. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah aktiviti badan beruniform dapat membentuk disiplin diri pelajar? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah para pelajar tidak berminat untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah? [4 markah]

**Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Subuh tadi anak itu ternyata benar terkejut dan gamam. Baru sehari, datuk Deliah, penjaganya yang tunggal, terkorban oleh ledakan bom di tepi tebing teluk yang selama ini diyakini tempat paling selamat. Semalam dia masih di tengah laut – hari ini baru dia sempat menemui Deliah. Jumari Jipan memang lebih dekat dengan Ripin. Mereka memang sama-sama sekolah, sama-sama seiring remaja, sama-sama sehari bersunat, sama-sama beransur dewasa, sama-sama seketika mengikut rombongan sarkas Filipina mengelilingi negeri, sebelum masing-masing mencari pekerjaan lain dan sama-sama juga beransur tua.

Kini masalahnya Deliah. Jumari Jipan sebenarnya tidak akan dapat melayan anak itu dalam botnya di tengah laut. Selain kerana tugasnya di bawah bilik enjin yang panas, tentera Jepun pula kini semakin ternyata seperti tidak menghiraukan apa atau siapa sasarannya – atau tidak tahu. Jepun mengesyaki semua bot berisi senjata dengan tenaga yang pada bila-bila masa boleh mengancam tenteranya. Pada saat begitulah terkadang-kadang apa yang disebutkan Kapten Dawson tentang kebebasan itu semakin bererti.

(Dipetik daripada cerpen *Di Sidi Rinda*  
oleh A Samad Said dalam antologi *Kerusi*  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah masalah berkaitan Deliah yang dihadapi oleh Jumari Jipan?

[3 markah]

- (ii) Peperangan banyak membawa penderitaan kepada manusia sejagat. Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan peperangan berlaku?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan di atas dan **dua** nilai kemanusiaan lain daripada keseluruhan cerpen.

[3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kedengaranlah kepada Laksamana, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui orang. Maka Laksamana muafakat dengan Raja Negara, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui oleh Yamtuan Muda. "Baiklah kita suruh larikan. Jikalau raja kita, Temenggung Muar, membawa ke Muar, nescaya tahu juga orang, kerana anak raja itu sudah dikenal orang."

Maka Temenggung Muar pun *menyerah akan bicara* kepada Laksamana. Maka Laksamana pun mencari orang yang boleh membawa anak raja itu. Dan ada nakhoda, orang Minangkabau, Nakhoda Malim namanya, bersahabat dengan Laksamana. Maka Laksamana pun fikir, "Baiklah aku beri akan anak raja ini, boleh dibawanya." Maka Laksamana pun lalu memanggil Nakhoda Malim. Dan Laksamana pun berkhobar kepada Nakhoda Malim, mengatakan segala rahsianya, dan ceritanya (bahawa) anak raja itulah Putera Almarhum Mangkat Dijulang. "Dan anak raja inilah, sahaya minta, tolong peliharakan baik-baik. Dengan mudah-mudahan, Allah taala beri, dapat beruntunglah nakhoda." Dan Nakhoda Malim pun terlalu suka. Maka Nakhoda Malim pun menerimalah bicara.

(Dipetik daripada  
"Asal Usul Raja Kecil,"  
dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menyerah akan bicara*?  
[ 2 markah ]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Laksamana setelah hal anak raja itu sudah diketahui orang?  
[ 3 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Laksamana bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan anak raja itu?  
[ 3 markah ]

**2(d) Petikan Puisi**

*Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**JALAN-JALAN RAYA KOTAKU**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan mengigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
*kemanusiaan semakin mandul*  
pada penghujung musim.

**ZAM ISMAIL**

*Antologi Anak Laut,*  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Bagaimanakah sikap pemandu ketika berada di jalan raya seperti yang terdapat dalam sajak di atas?  
[ 3 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pengguna jalan raya di bandar kurang bersopan sewaktu berada di jalan raya?  
[ 3 markah ]
- (iii) Nyatakan persoalan-persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.  
[ 3 markah ]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab *semua* soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, serta menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- i. hias
- ii. berhias
- iii. menghiaskan
- iv. menghiasi
- v. perhiasan
- vi. penghias

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat cakap ajuk dibawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.*

- Fatimah : Eh, apa yang kaubaca tu?  
Meor : Ni hah ..., berita hangat tentang keracunan makanan yang berlaku di sekolah akhir-akhir ini.  
Fatimah : Aku pun pernah terbaca. Tapi, apakah puncanya?  
Meor : Daripada petikan ini, aku rasa pengusaha kantin sekolah mengabaikan faktor kebersihan.  
Fatimah : Betul pendapat kau tu. Mereka sepatutnya mementingkan kebersihan, bukan keuntungan semata-mata.  
Meor : Aku setuju, pandai pun kau.

[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- i. Sejenis spesies baru cendawan yang terbesar di dunia telah ditemui di Mexico baru-baru ini.
- ii. Lintasan keretapi tanpa pagar amat merbahaya kepada penduduk setempat.
- iii. Kehebatan pasukan bola sepak China yang selalu diwar-warkan oleh media telah dibukti apabila mereka berjaya menewaskan pasukan bola sepak Malaysia.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- i. Makluman yang diberi oleh saksi kepada panel-panel hakim adalah bercanggah.
- ii. Ibu selalu mengata-ngata nama abang belakangan ini kerana ibu sangat rindukan abang.
- iii. Pak Sudin mengganggu apabila dinyatakan prosedur penggunaan pencukur elektrik itu.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan.*

Komitmen kerajaan Rusia dalam usaha melatih angkasawan dari Malaysia merupakan satu peluang yang dinanti-nantikan. Jika dahulu orang mengatakan bahawa usaha ini hanya mimpi, namun kini apa-apa yang kita idamkan bakal menjadi realiti. Pada Oktober nanti angkasawan sulung dari negara kita akan melepasi orbit dan muncul di angkasa lepas. Hal ini, merupakan satu kejayaan besar kepada negara. Program ini menjadikan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di dunia. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh dengan menyediakan kursus yang berkaitan aeroangkasa di universiti tempatan.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab **kedua-dua** soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
- (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
- (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
- (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
- (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Nilai ketabahan sering dipaparkan dalam sesebuah novel.  
Huraikan **dua** nilai ketabahan yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** perwatakan watak utama daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**